



PEJABAT KESIHATAN DAERAH JASIN,
JALAN MELAKA,
77000 JASIN,
MELAKA.


No. Telefon : 06-5292333
No. Fax : 06-5292812

SEGERA

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : PKDJ/
Tarikh : 14 November 2011



Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin,
Jalan Pegawai,
77000 Jasin, Melaka



Tuan/Puan,

PERLAKSANAAN AKTIVITI PROGRAM BEBAS DENGGI SEMASA CUTI HUJUNG TAHUN 2011 PERSEKOLAHAN .

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tren kes Denggi di Negeri Melaka sedang menunjukkan peningkatan sejak bermulanya musim hujan sejak akhir-akhir ini. Kekerapan hujan diselangi dengan hujan panas menyebabkan lebih banyak bekas air bertakung dan kondusif untuk menjadi tempat pembiakan Aedes.

3. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama dari pihak tuan agar mengambil perhatian serius mengenai perkara ini. Diharap pihak tuan mengukuhkan aktiviti program Bebas Denggi di semua Sekolah seluruh Daerah Jasin terutamanya sempena cuti sekolah yang akan bermula pada 18hb November 2011. Oleh itu perancangan awal di peringkat tuan perlu dijalankan supaya langkah-langkah pencegahan bagi memastikan sekolah seluruh Daerah Jasin adalah bebas dari menjadi tempat pembiakan Aedes. Diharapkan pihak guru dan kontraktor kebersihan dapat memainkan peranan dalam menjaga kebersihan di semua sekolah seluruh Jasin semasa cuti sekolah.

4. Di sini di cadangkan beberapa langkah kawalan yang boleh diambil oleh pihak sekolah seperti dibawah:

- a) Menjaga kebersihan sekolah dan memastikan bekas/sampah yang boleh menakung air.
- b) Menyelenggara longkang dan memastikan air mengalir dengan baik.
- c) Memastikan alas pasu bunga tidak menakung air.
- d) Memastikan pasu bunga/kolam yang menakung air diletakkan ikan yang memakan jentik-jentik seperti 'Guppy' atau dimasukkan ubat pembunuh jentik-jentik.
- e) Memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik di dalam mangkuk tandas, tangki tandas dan takungan simpanan air pada minggu pertama cuti persekolahan dan pada minggu terakhir sebelum sesi sekolah bermula.
- f) Memastikan pengusaha kantin menjaga kebersihan dan menguruskan kantin agar

*En. Helani,
Paparhan ke dlm
Purhal PPOJ
[Signature]*

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
KU P Sekolah	
KU P Keseluruhan	
KU P Kemanusiaan	<i>Er Safe</i>
KU Pem. Bekalan	
KU Makluma/ICT	
Peg. Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perk./Tadbran	
No. Fail	

[Signature]

tiada air ditinggalkan bertakung di kantin sekolah.

5. Segala kerjasama dan perhatian dari pihak tuan dalam usaha bersama-sama untuk memerangi Denggi di peringkat Sekolah adalah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Harap Maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MELAKA BEBAS ASAP ROKOK”

“JASIN DAERAH LESTARI BANDAR BESTARI”

Saya yang menurut perintah,



DR ISMAIL BIN HJ ALI MMC No. 26737

Pegawai Kesihatan Daerah,
Pejabat Kesihatan Daerah Jasin
Jasin, Melaka.

SK:

*Ketua Penolong Pengarah (Vektor), JKN
Pegawai Epidemiologi daerah
Fail*